

27 JUL 2002

Ghana-Lawat/I

PRESIDEN GHANA AKAN LAWAT MALAYSIA BERMULA ISNIN

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Presiden Ghana, John Agyekum Kufuor, akan melakukan lawatan rasmi negara selama empat hari ke Malaysia bermula Isnin, menurut Wisma Putra hari ini.

Beliau akan diiringi oleh isterinya dan delegasi 27-orang yang terdiri daripada tiga menteri, pegawai-pegawai kanan, ahli-ahli perniagaan dan anggota media.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra, lawatan itu yang merupakan yang kedua oleh seorang presiden dari negara yang terletak di barat benua Afrika itu bertujuan meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara.

Perbincangan antara pemimpin kedua-dua negara akan menumpukan pada kerjasama dua hala dan juga isu-isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

Presiden Kufuor akan menerima sambutan penuh istiadat di Dataran Parlimen dan akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamallulail di Istana Negara. Satu majlis makan malam negara juga tersenarai dalam aturcara.

Pada Selasa, Presiden Kufuor akan mengetuai delegasi Ghana dalam pertemuan dengan delegasi Malaysia yang diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Putrajaya.

Presiden itu juga akan berucap di majlis makan tengah hari anjur Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia (NCCIM) dan kemudian akan melawat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) dan PETRONAS.

Ghana mempunyai penduduk lebih kurang 17.7 juta. Ibu negaranya ialah Accra.

-- Bernama
AZZ AZZ PR